

27 Julai 2012

## **700 bungkus air ketum dirampas** **RAIHAM MOHD SANUSI**



**Sebanyak 700 bungkus air ketum dirampas polis selepas menyerbu rumah seorang nelayan di Jalan Pinang, Bukit Kuang, Kijal, kira-kira jam 11 pagi kelmarin.**

CHUKAI – Saat umat Islam lain merebut peluang berniaga pelbagai jenis air minuman di Bazar Ramadan bagi mendapatkan rezeki berganda ketika ini berbeza pula bagi seorang nelayan kerana sanggup menjual air ketum di rumahnya di Jalan Pinang, Bukit Kuang, Kijal untuk mendapatkan keuntungan mudah walaupun pada bulan mulia ini.

Namun, perbuatannya itu terbongkar apabila polis berjaya merampas sejumlah 700 bungkus air ketum bernilai kira-kira RM1,400 ketika serbuan dilakukan di rumah suspek yang berusia 52 tahun itu kira-kira jam 11 pagi kelmarin.

Operasi terbabit yang dijalankan sepasukan anggota polis dari Balai Polis Chukai diketuai ketua balainya, Inspektor Zakaria Deraman berjaya menemui kesemua bungkus air ketum terbabit yang disimpan di dalam sebuah tong fiber di bahagian dapur rumah berkenaan.

Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah, ASP Hamzah Awang Dollah berkata, ketika serbuan selain nelayan itu, terdapat dua lagi lelaki berada dalam rumah iaitu anak suspek berusia 23 tahun yang bekerja sambil sebagai pemandu lori dan rakan anaknya berusia 28 tahun yang bekerja sebagai buruh.

Susulan itu kesemua tiga lelaki berkenaan ditangkap dan ditahan reman selama sehari untuk membantu siasatan.

“Nelayan berkenaan adalah suspek utama sementara dua lagi lelaki kita telah rakam percakapan mereka dan dipercayai mereka tidak terlibat dengan aktiviti memproses dan menjual air ketum ini.

“Hasil siasatan dan risikan, disyaki suspek telah lama menjalankan aktiviti menjual air ketum dengan menjadikan rumahnya sebagai ‘kedai’ kerana pembeli di kawasan sekitar yang mahukan air ini akan datang ke rumahnya,” katanya.

Menurutnya, dipercayai air ketum terbabit yang dijual RM2 sebungkus diproses sendiri oleh suspek di rumahnya manakala daun ketum pula dibelinya dengan seorang pembekal di Kuala Terengganu yang menghantarnya ke rumah.

Sehubungan itu, kata Hamzah, kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 30(3) Akta Racun 1952 dan pihaknya sedang menunggu laporan kimia untuk tindakan selanjutnya.